

Meratapi kematian perbuatan jahiliah

Menangis keterlaluhan seperti tidak meredai takdir diharamkan dalam Islam

Hampir sebahagian besar kita pernah merasai kehilangan insan tersayang. Titisan air mata dan tangisan bukanlah luar biasa untuk menzahirkan kesedihan, malah itulah sedikit sebanyak yang meredakan kepiluan.

Namun, umat Islam tidak boleh meratapi kematian iaitu menangis sehingga mengeluarkan suara keluhan dan kata-kata kesal atas apa yang berlaku.

Diriwayatkan daripada Anas, apabila Rasulullah SAW melihat Ibrahim, putera kesayangan Baginda menghembuskan nafas terakhir, air mata Rasulullah mengalir deras. Lalu Abdurrahman bin 'Auf bertanya: "Mengapa engkau menangis wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Wahai Ibnu 'Auf, ia adalah air mata rahmat. Kemudian Rasulullah SAW menyambung: Sesungguhnya mata itu dapat menitikkan air, hati dapat bersedih dan kami tidak mengatakan sesuatu kecuali yang diredai oleh Allah. Kami sangat bersedih kerana berpisah denganmu wahai Ibrahim." (Muttafaq 'alaih)

Menangis keterlaluhan haram

Perlu diingatkan bahawa meratapi serta menangisi kematian secara keterlaluhan seperti tidak meredai apa yang telah ditakdirkan Allah SWT adalah perla-

kuan orang jahiliah dan diharamkan dalam Islam.

Daripada Abdullah, Nabi SAW bersabda: "Tidak termasuk golongan kami orang yang memukul-mukul pipi, menggoyak-ngoyak baju dan berteriak-teriak seperti berteriaknya orang jahiliah." (Riwayat Al-Imam Bukhari)

Ada yang bersedia, ada tidak menduga, yang pasti tiada siapa gembira kerana pemergian mereka dikasihi adalah kepulangan hakiki dan tidak akan kembali ke dunia lagi. Kematian adalah penghijrahan abadi dari alam dunia ke alam barzakh sementara menunggu dibangkitkan semula dan berkumpul di Padang Mahsyar.

Di situlah nanti perhitungan akan dilakukan untuk menentukan kehidupan yang kekal, tiada akhirnya lagi. Setiap Muslim perlu memahami bahawa kematian adalah sesuatu yang pasti, malah setiap kejadian di muka bumi ini akan musnah apabila tiba masanya.

Tidak ada apa yang kekal di dunia melainkan Yang Maha Pencipta kerana Dialah yang berkuasa atas segala-galanya.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: "Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati dan bahawasanya pada Hari Kiamat sahajalah akan disempurnakan

balasan kamu. Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga, maka sesungguhnya ia telah berjaya. Dan ingatlah bahawa kehidupan di dunia ini meliputi segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang yang terpedaya." (Surah Ali-Imran, ayat 185)

Apabila mengetahui mengenai kematian, kita akan menziarahi keluarga si mati dan sudah tentu kita mendoakan roh si mati dicucuri rahmat serta keluarga dilimpahi pahala berganda selain digantikan dukacita dengan sebaik-baik hiburan.

Antara ucapan sering diucapkan ialah, "Mudah-mudahan Allah Taala membalas kepadamu dengan pahala yang berganda dan diperelokkan dukacita dengan sebaik-baik hiburan serta diampunkan akan si mati daripada keluarga kamu."

Berkongsi dukacita

Bukanlah sia-sia kepada orang yang turut berkongsi dukacita dan mengucapkan takziah kepada keluarga si mati kerana Allah SWT turut memberikan ganjaran sama seperti orang yang sedang bersedih kerana kehilangan ahli keluarga.

Lebih baik dihadihkan bacaan ayat al-Quran dan Yasin serta tahlil kepada arwah semoga Allah mengurniakan rahmat.

Rasulullah SAW bersabda: "Siapa yang

mengucapkan takziah kepada orang yang ditimpa musibah, maka dia memperoleh pahala seperti pahala orang yang mendapat musibah." (Riwayat Al-Imam Ibnu Majah)

AL QURAN

"Orang yang apabila mereka ditimpa sesuatu kesusahan, mereka berkata: Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jugalah kami kembali. Mereka itu ialah orang yang dilimpahi dengan berbagai-bagai kebaikan dari Tuhan mereka serta rahmat-Nya. Dan mereka itulah orang yang dapat petunjuk hidayah-Nya."

Surah al-Baqarah Ayat 156-157

Orang yang bersabar menghadapi kematian sentiasa berada di bawah perlindungan Allah SWT dan mendapat petunjuk-Nya daripada kesesatan.

Firman Allah SWT yang bermaksud: "Orang yang apabila mereka ditimpa sesuatu kesusahan, mereka berkata: Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jugalah kami kembali. Mereka itu ialah orang yang dilimpahi dengan berbagai-bagai kebaikan dari Tuhan mereka serta rahmat-Nya. Dan mereka itulah orang yang dapat petunjuk hidayah-Nya." (Surah al-Baqarah, ayat 156-157)

Kematian sepatutnya telah cukup menjadi iktibar untuk

kita sentiasa beringat mengenai kehidupan yang sementara cuma, tiada apa yang dibanggakan dengan kehidupan dunia, sebaliknya ibadah dan takwa merencanakan kebahagiaan di akhirat.

Bersyukurlah kita dengan apa yang ada, tidak riak, ingkar dengan perintahnya, berdo'a serta bertawakal semoga kebahagiaan, kerahmatan dan keberkanya sentiasa abadi dalam kehidupan kita.



NIK SALIDA SUHAILA

Pensyarah Kanan
Fakulti Syariah dan
Undang-Undang
Universiti Sains
Islam Malaysia